

# Keunggulan Pok Teh

» *Tukang Kraf Istana Kelantan tinggalkan legasi kehalusan seni ukiran perak*

Oleh Norliza Wasilan

norlizawasilan@  
bh.com.my

**B**ukan sembarangan orang boleh menghasilkan barangan berasaskan perak. Ia memerlukan dedikasi yang sangat tinggi dan pengalaman bertahun-tahun lamanya untuk mempelajari teknik membuat barangan perhiasan atau ukiran daripada logam perak.

Di Kelantan, nama Allahyarham Abdul Manan Yakub dalam menghasilkan barangan perak dan perhiasan diri memang cukup dikenali. Beliau mempunyai pelbagai teknik seperti tuangan menggunakan tulang sotong, pintalan dawai perak dan pahat yang semuanya kini diwarisi oleh anaknya.

Pengalaman dan kepakarannya dalam seni tampak ini memang disegani. ketika hayatnya, beliau yang lebih mesra dengan panggilan Pok Teh dianugerahkan Adiguru Kraft Perak oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pada 2008. Abdul Manan juga pernah dilantik sebagai Tukang Kraf Istana Kelantan.

Selepas Pok Teh kembali ke rahmatullah dengan

meninggalkan banyak koleksi barangan perak, terutama untuk Istana Kelantan seperti Payung Adat Istiadat, Kepala Logo Kenderaan Istana dan Cokmar Diraja.

Kehalusan hasil kerja seni Pok Teh mengundang minat dari institusi pengajian tinggi dan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk menempah cokmar khas daripada beliau.

Pok Teh membuka kedainya sendiri iaitu KB Permai Kelantan Silvercrafts pada 1985. Apabila meninggal dunia pada 1 Januari 2011, kedai itu diambil alih dan diuruskan oleh dua daripada lapan anaknya iaitu Mohd Hasnan, 38, dan Hasnani Azira, 36.

## **Kerja seni ayah tiada tandingan**

Hasnani yang juga Pengurus syarikat berkenaan yang terletak di Jalan Sultanah Zainab, berkata keadaan jauh berubah selepas ketiadaan bapanya kerana dulu kebanyakan barangan adalah hasil tangan Allahyarham

bersama pekerja.

Walaupun terpaksa mengharungi cabaran, namun beliau tetap bersyukur apabila masih ada pelanggan yang sebelum ini mempunyai hubungan baik dengan bapanya tetap membuat tempahan di KB Permai Kelantan Silvercrafts meskipun selepas ketiadaan Allahyarham.

Terbaru, Universiti Putra Malaysia (UPM) membuat tempahan menghasilkan cokmar terbaru sebagai persembahan menghadapi majlis konvokesyen.

“Cokmar digunakan UPM sebelum ini adalah hasil tangan arwah bapa. Walaupun bapa sudah meninggal dunia, namun UPM masih menaruh kepercayaan kepada kami untuk membuatnya menggunakan tukang perak sedia ada.

“Selain itu, ada juga syarikat korporat yang datang mendapatkan barangan perak untuk dijadikan sebagai cenderamata dan penghargaan kepada pekerja masing-masing yang

mungkin bersara, bertukar tempat kerja dan sebagainya,” kata.

Isteri kepada Rozaidi Abdullah, 47, dan ibu kepada Rabihah Umairah, 8, dan Hadis, 4 itu berkata, antara warisan yang diteruskan ialah memilih dan menggubah reka corak berunsurkan motif flora kemudian disesuaikan dengan bentuk produk kraf yang dihasilkan mengikut kehendak dan cita rasa pelanggan.

Warisan Pok Teh juga menggubah beberapa reka corak dengan menggunakan motif seperti pucuk rebung, daun jawa dan tapak lembing dalam penghasilan barangan perak kasar dan perhiasan diri.

Hasnani berkata, antara produk yang sering mendapat perhatian pelancong asing ialah kerongsang, replika orkid, wau dan perhiasan wanita kerana mudah dibawa pulang ke negara masing-masing selain faktor harga yang berpatutan.